

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 03 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan supaya menempatkan Pegawai Nakortik di Pekan Lubok Antu, Sarawak memandangkan ramai di antara belia yang terlibat dalam gejala tidak sihat yang berlaku sekarang ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa berusaha menambah baik penyampaian perkhidmatan melalui agensi dibawahnya dalam usaha mengekang aktiviti pengedaran dadah di seluruh negara termasuk di Sarawak. PDRM juga sedang berusaha menambah baik perjawatan serta keanggotaan di seluruh negara bagi mempertingkatkan lagi 'service delivery' dalam usaha membanteras pengedaran dan penyalahgunaan dadah yang semakin mencabar.

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, seorang Penolong Pegawai Penyiasat Narkotik telahpun ditempatkan di IPD Lubok Antu untuk membantu penugasan berkaitan dengan isu Narkotik. Dalam masa yang sama, Pegawai dan anggota lain di IPD Lubok Antu dan Balai Polis Lubok Antu juga sentiasa bersedia untuk membanteras masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di Pekan Lubok Antu.